

**NO. SOALAN: 55**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN IGNATIUS DORELL LEIKING  
[PENAMPANG]**

**TARIKH : 27 JULAI 2017 (KHAMIS)**

**RUJUKAN : 9977**

**SOALAN :**

**Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang] minta MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah Jawatankuasa yang ditubuhkan selepas RCI Sabah telah mendapat bukti-bukti terperinci berkenaan dengan pendedahan yang ditulis oleh Dr. Chong Eng Leong dalam muka surat 74 buku 'Lest We forget / Jangan Kita Lupakan' yang di mana beliau telah mendedahkan bahawa Datuk Musa Aman, Datuk Yahya Husin, Jabar Khan dan Arwah Datuk Malek Chua telah dikaitkan sebagai Pasukan Petugas Khas UMNO Sabah yang bertugas antara 1991-1993 untuk merekrut pendatang asing yang telah diberikan Kad Pengenalan.

**JAWAPAN:**

**Kerajaan melalui Jawatankuasa Pengurusan Warga Asing di Sabah (JKPWAS) sentiasa mengambil langkah proaktif dalam mengatasi cabaran dan isu-isu berbangkit bagi melaksanakan pelan tindakan yang dirumuskan oleh Suruhanjaya Siasatan Pendatang Asing di Sabah. Antara lainnya, langkah proaktif ini termasuk pemerkasaan penguatkuasaan, pengusiran pendatang asing tanpa izin (PATI), kerjasama dengan Kerajaan Filipina dalam mempercepatkan pengeluaran dokumen perjalanan kepada tahanan yang hendak diusir serta penggunaan terma 'Rekod Kelahiran' bagi dokumen pendaftaran kelahiran Bukan Warganegara di Sabah untuk membezakan dengan jelas dokumen pendaftaran kelahiran bagi Warganegara dan Bukan Warganegara di tersebut.**

**Justeru, Kementerian ini ingin menegaskan agar semua pihak bekerjasama serta memfokuskan matlamat untuk menjayakan usaha bagi memperkukuh mekanisme pengurusan warga asing di Sabah dan tidak terpengaruh dengan dakwaan tidak berasas yang boleh mengganggu gugat keselamatan negara dan kesejahteraan masyarakat.**